

Oleh Muhd Izawan Baharin,
Amir Abd Hamid, Yusmizal
Dolah Aling, Rizanizam Abdul
Hamid
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

SUSULAN ISU PENYELEWENGAN BERAS

KSU ketuai mesyuarat bulanan

Mesyuarat bulanan untuk menentukan kuota jualan beras subsidi super tempatan 15 peratus hancur (ST15) kepada pemborong bagi November akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Datuk Mohd Arif Ab Rahman.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia antara tindakan pihaknya dalam menangani isu ketirisan dan penyelewengan jualan beras ST15 yang di-dedahkan secara bersiri oleh Harian Metro sejak 23 Oktober lalu.

Menurutnya, sebelum ini mesyuarat berkenaan dipengerusikan Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) Datuk Naimah Ramli yang kini ditukarkan ke Bahagian Industri Taman, Ternakan dan Perikanan (ITTP).

"Seperti biasa kelulusan kuota (beras ST15) akan dibuat oleh jawatan kuasa, cuma bezanya jika dahulu dipengerusikan SUB (Setiausaha Bahagian) Industri Padi dan Beras, kini ia akan dipengerusikan oleh KSU Kementerian," katanya menerusi aplikasi WhatsApp kepada wartawan Harian Metro, semalam.

Mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai pemberian kuota dan jualan 40,000 tan beras ST15 kepada 200 pemborong di seluruh negara bulan ini yang dikatakan 'tergendala' Ismail berkata, pihaknya sedang membuat semakan semula terhadap senarai semua pemborong sedia ada.

"Kita sedang membuat semakan terhadap semua pemborong untuk memastikan penyelewengan dapat dikurangkan dan diatasi," katanya.

Harian Metro difahamkan,



“Kita sedang membuat semakan terhadap semua pemborong untuk memastikan penyelewengan dapat dikurangkan dan diatasi”

Ismail Sabri Yaakob

mesyuarat menentukan agihan jumlah kuota kepada pemborong beras ST15 kebiasaannya diadakan pada 23 hari bulan setiap bulan dan pemborong akan mula menerima peruntukan masing-masing pada minggu pertama setiap bulan.

Bagaimanapun, sumber dalam industri itu memaklumkan kepada Harian Metro proses itu kini 'tergendala' dan pemilik sebuah syarikat pemborong beras di utara Semenanjung yang enggan dikenali turut mengakui pihaknya belum mendapat kuota beras bagi November.

Sebelum ini, Harian Metro mendedahkan daripada 40,000 tan beras ST15 yang dibekalkan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada harga subsidi RM1,350 satu tan, hanya 10,000 tan yang benar-benar dijual di pasaran dengan harga itu manakala baki 30,000 tan lagi dijual dengan harga biasa iaitu RM1,750 satu tan.

Selain itu, seorang bekas pegawai kanan BERNAS mendakwa pemberian 'toc' bermaksud wang sogokan perlu dibayar pemborong beras kepada pihak tertentu untuk memastikan mereka kekal mendapat kuota khas beras ST15 atau menambah jumlah kuota diterima.

Laporan bersiri itu turut mendedahkan ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap empat sampel beras kampit 10 kilogram mendapat semuanya mempunyai peratusan hancur yang berkali ganda jauh lebih tinggi daripada dicatatkan pada label.

Antaranya, bungkus yang tertera beras ST15 yang sepatutnya mempunyai 15 peratus beras hancur sebenarnya mengandungi hampir 37 peratus hancur manakala beras Super Special Tempatan lima peratus hancur mengandungi 27 peratus bijian hancur.

Program Beras Subsidi ST15 bermula sejak 2008 sebagai antara opsyen kepada golongan berpendapatan rendah untuk membeli beras pada harga lebih murah.